

Jalinan Pintar SISC+ Terengganu dan Labuan



Labuan, 24-27 Februari 2019 : Seramai 8 orang Pembimbing Pakar Rakan Peningkatan Sekolah (SISC+) dari Jabatan Pendidikan Terengganu telah berkunjung ke Labuan bagi melaksanakan Program Jalinan Pintar Pegawai SISC+ Negeri Terengganu dan Pegawai SISC+ W.P.Labuan : *'A Focussed Conversation'*.

Program Jalinan Pintar Pegawai SISC+ ini merupakan program yang julung kalinya diadakan di W.P.Labuan sebagai satu bentuk perkongsian ilmu melalui kerjasama, kolaborasi dan permuafakatan antara SISC+ Terengganu dan SISC+ W.P.Labuan.

Rombongan SISC+ Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu yang diketuai oleh Rohaida Ngah ini telah dibawa melawat ke 4 buah sekolah di W.P.Labuan dengan diiringi oleh pegawai-

pegawai SISC+ W.P.Labuan.

Sekolah-sekolah yang dilawati adalah SKK ST.Anne bagi melihat pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah, SM.ST.Anthony bagi melihat pelaksanaan '*Highly Immersive Programme*' atau HIP, SMK Pantai bagi melihat pelaksanaan '*The IB Middle Years Programme*' dan SK Bebuloh bagi melihat pelaksanaan Program TS25 Kohort 3.



Pegawai-pegawai SISC+ Negeri Terengganu & W.P.Labuan bersama Pengetua, Pentadbir dan guru-guru di SM.ST.Anthony

Di dalam program ini juga sebanyak 7 kertas kajian dan amalan terbaik SISC+ Negeri Terengganu dan W.P.Labuan telah dikongsikan kepada semua rakan SISC+.

Sesi perkongsian dimulakan dengan pembentangan inovasi 'R Pengiran M' oleh Pangiran Kadir Bin Pangiran Budin (SISC+ W.P.Labuan), diikuti oleh Rohaida Ngah (SISC+ Terengganu) yang membentangkan kajian bertajuk '*Inspiring Students To Write Through Drawing*', Hjh Siti Zahara Mohamad (SISC+

W.P.Labuan) yang membentangkan kajian bertajuk Keberkesanan Tingkap Sintaksis Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu dan Siti Nurbaya Binti Zakaria (SISC+ Terengganu) yang membentangkan amalan terbaiknya bertajuk 'School Support System Through PLC'.

Sesi Perkongsian Amalan Terbaik Antara SISC+ ini diteruskan lagi dengan perkongsian daripada Arni Samiraty Abdol Samat (SISC+ W.P.Labuan) yang membentangkan amalan terbaiknya bertajuk 'HI 5G2', Azimah Dollah (SISC+ Terengganu) yang membentangkan amalan terbaiknya bertajuk Model PAU : Penyelarasan Aspirasi Unik dan Asy Assuara Razak (SISC+ Terengganu) yang membentangkan amalan terbaiknya bertajuk SKPMg2 : An Explanation Through Video.

Sesi Perkongsian Amalan Terbaik Antara SISC+ ini telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Botanikal, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) W.P. Labuan.



Pegawai-pegawai SISC+ Negeri Terengganu & W.P.Labuan bersama Barisan Pentadbir dan guru-guru di SMK Pantai IB World School

Di akhir lawatan, peserta rombongan turut berkesempatan

melawat pejabat Jabatan Pendidikan Negeri W.P.Labuan, pejabat Sektor Pengurusan Akademik, pejabat SISC+ dan beberapa tempat yang menarik di W.P.Labuan.

Selain itu, 8 orang Pembimbing Pakar Rakan Peningkatan Sekolah (SISC+) dari Jabatan Pendidikan Terengganu ini juga turut berpeluang mengikuti Bengkel Merancang dan Melaksanakan Kajian Tindakan Dengan Menggunakan Borang Inovasi '12 Langkah' yang disampaikan oleh Suriani Alland Rice Oxley (SISC+ W.P.Labuan) di BTPN anjuran Sektor Jaminan Kualiti, JPN W.P.Labuan.

Bengkel Kajian Tindakan ini turut dihadiri oleh barisan kepimpinan tertinggi Jabatan Pendidikan W.P.Labuan serta barisan kepimpinan atasan dan pertengahan sekolah.

Menurut kata Ketua Rombongan SISC+ Negeri Terengganu, Rohaida Ngah, "Program lawatan ini merupakan satu program perkongsian yang telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan. Semua rakan SISC+ yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan melaluinya, Tahap Profesionalisme SISC+ ini telah dapat ditingkatkan."



Pegawai-pegawai SISC+ Negeri Terengganu bersama Guru Besar, Pentadbir dan guru-guru di SK Bebuloh